



UCAPAN ALUAN
'MAJLIS JASAMU DIKENANG'

OLEH
YANG BERBAHAGIA DATO' Hj. WAN MOHAMAD ZUKI BIN MOHAMAD,
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN DAN KORPORAT) RISDA

TEMPAT: HOTEL DE' PALMA, AMPANG
TARIKH : 27 MAC 2009 (JUMAAT)
MASA : 8.00 MALAM

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis.

Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan,
Ketua Pengarah RISDA serta Yang Berbahagia Datin Zaimah bt.
Zakaria

Yang Berbahagia Dato' Haji Ali Nordin bin Wahiduddin,
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA serta Yang
Berbahagia Datin Leeza bt Laili

Yang Berbahagia Dato' Ramli bin Mohd. Kassim, Mantan

Timbalan Ketua Pengarah merangkap wakil pesara pada hari ini
serta Yang Berbahagia Dato' Fatimah bt Ghazali

Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah Negeri,

Pengurus-pengurus Besar Anak Syarikat,

Yang diraikan Pesara-pesara RISDA dan Penerima-penerima
Watikah kenaikan pangkat

Seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

3

**Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera.**

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T., kerana dilimpahkan-Nya
izin dan kurnia untuk kita bersama-sama berkumpul di sini bagi
menjayakan 'Majlis Jasamu Dikenang'. Bagi pihak seluruh Ahli
Jawatankuasa program, saya mengucapkan penghargaan dan
terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah
yang sudi hadir, biarpun kita tahu beliau terlalu sibuk serta
berhadapan dengan keadaan kesihatan yang agak kurang
menyenangkan mutakhir ini.

4

Namun berkat dari doa oleh kita semua, Ketua Pengarah masih mampu hadir, semata-mata untuk bersama dengan kita pada majlis di dewan yang serba indah ini. Untuk itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah.

Begitu juga saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada hadirin sekalian, para pesara dan juga penerima Watikah Kenaikan Pangkat yang telah sudi menerima undangan kami. Apalah ertinya majlis ini jika tanpa penyertaan Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

5

Tujuan Majlis kita pada malam ini adalah untuk meraikan pesara-pesara RISDA yang telah bersara dalam tempoh Oktober 2007 sehingga Mac 2009 iaitu seramai 116 orang pesara wajib dan 193 orang pesara pilihan. Dan juga untuk menyampaikan watikah kenaikan pangkat kepada 94 orang pegawai dan kakitangan yang telah dinaikkan pangkat mulai Januari 2008 sehingga Januari 2009. Terlebih dahulu saya bagi pihak Jawatan kuasa Majlis memohon ribuan maaf kerana mengadakan Majlis ini agak lewat bagi yang telah bersara dan juga bagi yang telah dinaikkan pangkat lebih awal.

6

Kepada rakan pesara, saya benar-benar 'tersentuh' dan amat menghargai di atas kelapangan waktu yang diberikan. Sesungguhnya, pertemuan ini adalah seumpama pertemuan dengan rakan-rakan alumni ketika di sekolah dulu. Tentulah situasi ini telah menyegarkan kembali nostalgia indah sewaktu anda semua masih bertugas bersama kami suatu ketika dulu. Tahun dan bulan berganti, namun hati tetap tuntas mengingati anda sahabat-sahabat kami.

Kami merasa kehilangan anda. Dan, bagi kami di sini, anda masih yang terbaik dengan segala macam pengalaman yang

7

diperolehi di sini. Justeru, kami berharap agar anda sudi dan bersedia untuk memberikan buah fikiran ke arah membantu kami di mana yang perlu. Saya fikir, Y. Bhg. Dato' Ketua Pengarah juga bersetuju dan memiliki hasrat yang sama.

Kata pantun :

**Buah pauh buah rumnia
Dicampur pula sibuah berangan
Sungguhpun jauh di hujung dunia
Hilang di mata di hati jangan**

8

Kepada rakan-rakan penerima kenaikan pangkat, saya bagi pihak Ahli Jawatankuasa juga mengucapkan tahniah dan syabas. Dan, pastilah kenaikan 'Gred Jusa A' yang diterima oleh bos kita menjadi suatu yang cukup bernilai pada malam ini. Ianya mampu menyemarakkan lagi komitmen kita untuk membantu Ketua Pengarah dalam misi kecemerlangan yang digalas bersama. Insya-Allah Dato', kami seluruh warga kerja akan terus berusaha gigih dalam membantu menaikkan lagi nama dan prestasi RISDA di mata umum.

9

Saya tidak berniat untuk bercakap panjang lebar, kerana saya tahu kita semua sedang menanti-nantikan, apakah inti amanat yang akan disampaikan oleh Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah kita pada kali ini.

Dengan kata-kata itu, saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah serta rakan-rakan sekalian yang telah sudi menjayakan majlis kita pada malam ini.

10

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warrahmatullahi Wabarakatuh.